



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM SANTUNI RAKYAT**

**29 SEPTEMBER 2018 (SABTU)  
1.45 PETANG**

**MIDPOINT SHOPPING COMPLEX, PANDAN INDAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **(SALUTASI)**

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat saya berada di MidPoint Shopping Complex Pandan Indah ini untuk bersama-sama penduduk kawasan Pandan serta rakyat sekitar Selangor bagi menjayakan Program Santuni Rakyat pada hari ini.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Yang Berhormat Dr. Siti Mariah Mahmud, Ahli-ahli Yang Berhormat DUN Pandah Indah dan DUN Teratai di kawasan Parlimen Pandan, pengurusan tertinggi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), ketua-ketua jabatan serta pihak pengurusan MidPoint Shopping Complex yang telah merealisasikan hasrat saya untuk menganjurkan Program Santuni Rakyat pada hari ini.

### **LATAR BELAKANG PROGRAM**

*Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,*

3. Program Santuni Rakyat merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KPWKM untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kementerian dan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) kepada rakyat khususnya penduduk di sekitar Pandan.

4. Objektif utama Program Santuni Rakyat adalah untuk:
  - (i) meraikan sesi keterlibatan pemimpin setempat dan agensi kerajaan bersama rakyat;
  - (ii) menyebarkan luaskan perkhidmatan, peranan, fungsi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh KPWKM dan agensi di bawahnya dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi kumpulan sasaran; dan
  - (iii) memanfaatkan kumpulan sasaran melalui kepakaran dan khidmat bantuan daripada badan-badan korporat dan syarikat-syarikat swasta yang merupakan rakan strategik KPWKM.
5. Bertemakan **Semarak Kasih, Malaysia Sejahtera**, ianya sinonim dengan konsep program pada hari ini yang memberi tumpuan kepada usaha untuk merai dan menyantuni rakyat menerusi perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.
6. Memandangkan kumpulan sasaran KPWKM adalah merupakan golongan rentan atau *vulnerable* dalam kalangan kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), gelandangan/orang papa, wanita, keluarga serta mangsa bencana, maka Program Santuni Rakyat sangat signifikan dan relevan dalam mendekati dan membantu golongan yang memerlukan ini.
7. Melalui pendekatan ini, tautan kasih antara kerajaan, sektor swasta dan rakyat dapat disemarakkan dalam membentuk generasi dan bangsa Malaysia yang sejahtera.

## **PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN**

*Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,*

8. Menerusi Program Santuni Rakyat yang berkonsepkan turun padang, semua agensi di bawah kementerian akan membuka kaunter atau *booth* pameran untuk menyediakan perkhidmatan masing-masing.

9. Pada hari ini, tuan-tuan dan puan-puan boleh mendapatkan maklumat dan perkhidmatan melalui slot ceramah daripada agensi-agensi di bawah Kementerian seperti Homehelp - perkhidmatan bantuan kebajikan dan pendaftaran OKU dari JKM, pemeriksaan kesihatan dan perkhidmatan MamaCare dan PapaCare oleh LPPKN, ceramah keganasan terhadap wanita oleh JPW serta promosi program latihan kepada sukarelawan oleh ISM.
10. Jadi ingin saya menjemput tuan-tuan dan puan-puan yang ada di dalam dewan dan mereka yang berkunjung ke kompleks ini untuk mengambil peluang bagi mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang kami sediakan.
11. Pada hari ini juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan melancarkan Program *One-Stop Help Center* atau dikenali sebagai **“Program KAWAN”**.
12. Program KAWAN merupakan program khidmat setempat berbentuk *outreach* untuk mengenal pasti mereka yang memerlukan perkhidmatan dari pihak Kerajaan dengan memberi tumpuan kepada masyarakat bandar, luar bandar, FELDA, ladang dan kawasan pedalaman di seluruh negara dan bergerak melalui kaedah ‘*mobile help care*’.
13. Antara objektif Program KAWAN ini adalah untuk menyalurkan perkhidmatan Kerajaan secara terus kepada masyarakat di seluruh negara dan menyediakan intervensi awal kepada masyarakat yang memerlukan perkhidmatan Kerajaan.

## **PERKONGSIAN PINTAR (SMART PARTNERSHIP)**

*Hadirin dan hadirat yang saya hormati,*

14. Kementerian secara bersendirian tidak mampu untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua kumpulan sasar. Justeru, jalinan perkongsian bijak dengan rakan-rakan strategik Kementerian seperti pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *social enterprises*, komuniti dan aktivis masyarakat mampu memberikan pelaksanaan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat.

15. Oleh itu, bersama-sama kita pada hari ini antaranya ialah *Optimax Eye Specialist* yang menawarkan pemeriksaan mata secara percuma kepada pengunjung, Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor yang turut mempromosikan inisiatif yang ditawarkan oleh pihak PWB, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang menyediakan perkhidmatan teras mereka, Klinik Guaman yang menawarkan khidmat nasihat perundangan secara percuma dan Asia Metropolitan University (AMU) yang menyediakan informasi berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan.

## **INSENTIF I-SURI**

16. Saya ingin menekankan bahawa Kerajaan sangat mengambil berat terhadap golongan suri rumah khususnya yang tergolong sebagai miskin dan miskin tegar bagi memastikan keselamatan sosial mereka terjamin.
17. Atas keprihatinan ini, Kerajaan telah memperkenalkan skim **insentif i-Suri yang telah berjaya kita lancarkan dalam tempoh 100 Hari pertama Kerajaan baru Pakatan Harapan.**
18. Justeru, Program Santuni Rakyat pada hari ini turut membawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membolehkan para suri rumah, balu dan ibu tunggal yang profilnya didaftarkan dengan sistem e-Kasih menyertai insentif i-Suri dengan membuat caruman minimum sebanyak RM5 setiap bulan.
19. Caruman itu perlu dibuat ke dalam akaun simpanan persaraan bagi melayakkan mereka menerima insentif Kerajaan sebanyak RM40 setiap bulan.
20. Pelancaran i-Suri pada 8 Ogos 2018 adalah bagi untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang asas kepada golongan suri rumah yang memikul tanggungjawab untuk mendidik dan membesarkan anak yang amat terdedah kepada risiko apabila berlaku musibah dalam keluarga.
21. Sehingga 20 September 2018, seramai 11,562 wanita telah berdaftar

dengan i-Suri, manakala 12,843 wanita berdaftar dengan i-Saraan, iaitu bagi mereka yang dalam sektor tidak formal. Pelaksanaan program i-Suri adalah contoh kepada perancangan yang lebih inklusif dan proaktif kepada kumpulan sasar iaitu para suri rumah untuk mempunyai simpanan persaraan dan perlindungan sekiranya berlaku musibah dalam rumah tangga.

## **LAIN-LAIN PERKHIDMATAN/PAMERAN**

22. Selain itu, jangan lepaskan peluang untuk mengunjungi *booth* pameran *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) yang menawarkan Program eRezeki.
23. Program eRezeki membolehkan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah menjana pendapatan tambahan dengan melakukan tugas-tugas digital melalui platform *crowdsourcing* secara atas talian.
24. Peserta eRezeki akan dipadankan dengan kerja-kerja digital bersesuaian dengan skil masing-masing. Pada hari ini, seramai 50 orang penduduk setempat mengikuti latihan eRezeki secara percuma daripada pihak MDEC.

## **PENUTUP**

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

25. Saya berharap program pada hari ini dapat memberi sedikit sebanyak manfaat kepada semua lapisan masyarakat dari segi perkongsian perkhidmatan dan kepakaran daripada agensi-agensi kerajaan, badan-badan korporat dan syarikat-syarikat swasta yang merupakan rakan strategik Kementerian.
26. Melalui Program Santuni Rakyat ini, saya berharap produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan dengan membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk mempromosi serta memperkukuh hubungan dengan kumpulan sasar yang hadir pada hari ini.
27. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan sekalung

penghargaan kepada semua yang terlibat.

28. Terima kasih tidak terhingga kepada pihak pengurusan MidPoint Shopping Complex yang menaja lokasi dalam menjayakan Program Santuni Rakyat pada hari ini.
29. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian yang sudi hadir dan semoga hadirin sekalian memperoleh manfaat melalui perkhidmatan dan informasi yang disediakan oleh semua agensi dan syarikat yang menyertai pameran.
30. Seterusnya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Santuni Rakyat.

Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakathuh